



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016



Kemeriahan hari raya pada era teknologi

Dimensi

Oleh AFIZAN AMER
Pensyarah Kanan Pemasaran Digital,
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
Universiti Teknologi Mara,
Kampus Puncak Alam, Selangor



WALAUPUN baru sahaja menyambut Ramadan, kita tidak dapat lari daripada berbicara tentang kemeriahan lebaran yang bakal menjelma.

Rakyat Malaysia yang lahir sebelum zaman ledakan teknologi maklumat pasti merindui sambutan 1 Syawal pada zaman kanak-kanak dahulu.

Masih segar dalam ingatan, mereka bertandang ke rumah penduduk kampung yang dikenali atau tidak bersama rakan-rakan.

Keseronokan lain sudah semestinya ketika mendapat duit raya daripada tuan rumah yang dikunjungi.

Masa itu, anak-anak tidak disogokkan dengan alatan elektronik canggih dan siaran televisyen. Kehangatan hari raya lebih bermakna untuk disambut bersama rakan-rakan yang sentiasa melakukan kunjungan ke rumah-rumah jiran.

Kini, kemajuan teknologi telah mengubah corak dan kemeriahan sesuatu perayaan itu.

Kita juga tidak pasti adakah kanak-kanak zaman ini masih berpeluang untuk menyambut hari lebaran seperti suatu masa yang lalu.

Revolusi

Jika tidak, ia merupakan satu situasi yang merugikan. Segala-galanya mungkin disebabkan oleh perubahan zaman yang kini lebih banyak dipengaruhi kemajuan teknologi sehingga mencetuskan satu revolusi dalam

gaya hidup masyarakat.

Apa yang dapat diperhatikan, masyarakat kini lebih gemar beraya di rumah sambil menonton pelbagai aneka rancangan hiburan di televisyen.

Tidak ketinggalan, mereka juga lebih suka mengucapkan salam Hari Raya Aidilfitri kepada rakan dan sanak saudara menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) dan e-mel. Mereka turut dibuai keseronokan dengan melayari Facebook yang segala-galanya mudah, ringkas dan cepat.

Bagaimanapun, perkembangan teknologi yang serba canggih itu dilihat masih mampu membawa pelbagai perspektif positif.

Dunia maya yang semakin berkembang dengan pelbagai aplikasi seperti Facebook, Twitter dan WhatsApp itu memudahkan seseorang untuk menghubungi ahli keluarga terdekat serta sahabat handai.

Mengekalkan keakraban komunikasi dengan orang terdekat pada era teknologi maklumat akan menjadi lebih mudah. Dua individu yang terpisah jauh juga mampu menyuburkan silaturahim.

Dalam dunia yang serba maju ini, keperluan komunikasi jarak jauh banyak dilakukan melalui media sosial walaupun, ada yang mendakwa, kemajuan teknologi ini juga melahirkan ungkapan 'mendekatkan orang yang jauh dan menjauhkan orang yang dekat'.

Ledakan teknologi maklumat yang luar biasa menyebabkan seseorang itu lupa kaedah berinteraksi terus dengan orang-orang terdekat termasuk ahli keluarga.

Interaksi yang terbaik untuk tingkatan keakraban antara orang tua, kanak-kanak dan teman-teman adalah dengan mewujudkan rasa empati yang tinggi semasa bersua muka.

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

Cuba kita bayangkan, adakah masyarakat mampu memisahkan individu dengan telefon canggih mereka sewaktu melakukan aktiviti kunjung-mengunjung dari rumah ke rumah pada Hari Raya Aidilfitri ini?

Kita masih memerlukan telefon pintar sewaktu menikmati juadah hari raya di meja dan gagal memberikan perhatian pada tutur bicara sahabat handai kita.

Situasi ini akan menyebabkan hubungan yang sepatutnya menjadi akrab semakin renggang.

Walaupun dalam keadaan berkumpul mesra, masyarakat kita seolah-olah kelihatan sibuk dengan urusan masing-masing dan gagal meningkatkan empati sesama manusia.

Sebagai manusia yang mempunyai taraf pendidikan dan intelektual yang baik, kita tidak boleh terus menyalahkan kemajuan teknologi jika kualiti hubungan interpersonal semakin merosot.

Namun, perkembangan teknologi pada hari ini harus diurus dengan baik agar kemeriahan musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri tidak tercemar.

Setiap individu harus bijak memberikan waktu yang berkualiti untuk menjalin hubungan emosi sesama manusia.

Sebelum wujudnya teknologi maklumat yang canggih ini, menjaga hubungan dengan seseorang jauh lebih mudah, bahkan berkumpul bersama keluarga, sahabat handai, rakan taulan, jauh lebih selesa. Kita saling berkongsi cerita pahit manis sepanjang tahun tanpa sibuk dengan alatan elektronik masing-masing di tangan masing.

Harapan

Adalah menjadi harapan agar masyarakat hari ini dapat mengurus kemajuan sedia ada untuk mengekalkan tradisi yang murni dan luhur supaya kita memiliki kehidupan sosial yang baik. Masyarakat kita tidak menjadi masyarakat yang obses, paranoid dan ketagih untuk berkomunikasi di alam maya.

Ungkapan perkembangan teknologi canggih kini menjadi punca perpaduan keluarga dan persaudaraan renggang harus dikikis menjelang Hari Raya Aidilfitri ini.

Apabila hidup sendiri hilang kawan, persaudaraan dan tidak tahu membawa diri, akhirnya perhubungan sosial menjadi tawar dan hambar.

Teknologi maklumat merupakan ejen perubahan kepada gaya hidup masyarakat yang telah banyak merubah hidup manusia. Teknologi pada dasarnya adalah untuk

memudahkan sesuatu.

Jika teknologi ini digunakan dengan niat yang betul, maka ia akan membawa manfaat dan kesejahteraan hidup tetapi jika disalahgunakan, ia akan membawa kepada perkara yang sia-sia serta merugikan.

Fikirkan bersama tentang perlunya kita meletakkan keluarga, sahabat dan orang yang disayangi sebagai nombor satu. Berikan sepenuh perhatian dan waktu yang berkualiti pada musim perayaan ini apabila bersama mereka.

Letakkan alatan elektronik di tepi sebagai nombor dua. Bicaralah daripada hati ke hati dan kongsi isi hati dengan orang yang kita sayangi.



KITA tidak boleh menyalahkan kemajuan teknologi jika kualiti interpersonal merosot.
– Gambar hiasan

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

